

**PERANAN *MUTAWALLI* WAKAF:
KAJIAN KE ATAS SEKOLAH AGAMA RAKYAT
DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
DI WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA**

AMERUDIN BIN ISMAIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PERANAN *MUTAWALLI* WAKAF:
KAJIAN KE ATAS SEKOLAH AGAMA RAKYAT
DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
DI WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA**

oleh

AMERUDIN BIN ISMAIL

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Doktor Falsafah**

Jun 2023



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t yang memerintah sekelian alam, selawat dan salam buat junjungan besar nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat, tabi'in, tabi'-tabi'in dan seluruh umat Islam sekalian. Ribuan kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapatlah pengkaji menyusun dan menyiapkan sebuah Tesis bagi memenuhi keperluan bagi Ijazah Kedoktoran (Pengajian Islam) atas tajuk Peranan *Mutawalli Wakaf* Kajian Ke Atas Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Setinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia yang disegani Profesor Madya Dr. Jasni bin Sulong yang telah banyak bertanggungjawab menyelia penulisan kajian ini sepenuhnya dan sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, galakan, nasihat, dan semangat agar kajian ini dapat disiapkan. Kesediaan beliau meluangkan masa juga menjadi pendorong kepada penyelidik untuk terus berusaha ke arah melengkapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia di atas komen-komen yang membina bagi menyiapkan tesis ini. Pengkaji juga merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri tercinta Ainun Zalila bt Mohamed yang telah banyak berkorban masa dan tenaga serta anak-anak tersayang Nurshafiqah Aqilah, Muhammad Shahrul Iqram, Nurilham Izzati, Nurilma Dalila dan Siti Fatimah Azzahra yang

telah banyak memberi ruang dan waktu bagi meneruskan pengajian ini. Penghargaan yang sama juga kepada Bonda Hapisah bt Mat Hussin yang sentiasa memberikan doa restu dan didikan sejak kecil. Pengkaji juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan dan mereka yang telah memberikan semangat dan dorongan di dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, pengkaji berbesar hati untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan Tesis Ijazah Kedoktoran (Pengajian Islam) ini. Semoga apa yang dilaksanakan ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT Amin.

Sekian, Wassalam.

Amerudin bin Ismail

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang.

27 April 2023

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI CARTA.....	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii
SENARAI TRANSLITERASI.....	xiv
SENARAI LAMPIRAN.....	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xx
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah.....	11
1.4 Persoalan Kajian.....	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Skop Kajian.....	17
1.7 Kepentingan Kajian.....	20
1.8 Kajian Lepas.....	21
1.9 Metodologi Kajian.....	41
1.10 Definisi Operasional.....	47
1.11 Kesimpulan.....	49

BAB 2	KONSEP DAN PERANAN <i>MUTAWALLI WAKAF</i>	
	DALAM FIQH.....	51
2.1	Pengenalan.....	51
2.2	Konsep Wakaf	52
2.3	Konsep <i>Mutawalli</i> Wakaf.....	68
2.3.1	Definisi <i>Mutawalli</i> Wakaf.....	72
2.3.2	Dalil <i>Mutawalli</i> Wakaf.....	75
2.4	Kedudukan <i>Mutawalli</i> Dalam Pentadbiran Wakaf.....	78
2.5	Syarat-syarat Perlantikan <i>Mutawalli</i> Wakaf.....	82
2.5.1	Islam	83
2.5.2	Baligh.....	87
2.5.3	Berakal.....	89
2.5.4	Berkemampuan.....	91
2.5.5	Adil dan Amanah.....	95
2.5.6	Merdeka	98
2.6	Tugas-tugas <i>Mutawalli</i> Wakaf.....	99
2.6.1	Melaksanakan Syarat Pewakaf.....	100
2.6.2	Menjaga Asal Harta Wakaf dan Menguruskan Hasilnya.....	101
2.6.3	Memaju, Membaiki dan Melaburkan HartaWakaf.....	102
2.6.4	Menyewakan dan Mengusahakan Harta Wakaf.....	103
2.6.5	Mempertahankan Harta Wakaf dan Mengagihkan Hasil Wakaf	106
2.6.6	Melunaskan Hutang.....	107

2.6.7	Melaksanakan <i>Istibdal</i> Wakaf.....	108
2.7	Mengupah dan Memecat <i>Mutawalli</i> Wakaf.....	115
2.8	<i>Mutawalli</i> Wakaf dari Sudut Sejarah Islam.....	119
2.9	Kesimpulan.....	126
BAB 3	SEJARAH DAN KEDUDUKAN <i>MUTAWALLI</i>	
	WAKAF DI TANAH MELAYU.....	131
3.1	Pengenalan.....	131
3.2	Sejarah <i>Mutawalli</i> Wakaf di Tanah Melayu.....	132
3.2.1	Kedudukan <i>Mutawalli</i> di Tanah Melayu Pra Merdeka.....	137
3.2.2	Kedudukan <i>Mutawalli</i> di Tanah Melayu Pasca Merdeka.....	143
3.3	Sejarah Awal Institusi Pendidikan Wakaf di Malaysia.....	145
3.3.1	Institusi Pendidikan Pra Merdeka	147
3.3.2	Jenis-jenis Institusi Pendidikan Wakaf Pasca Merdeka.....	150
3.4	Peranan MAIN Sebagai <i>Mutawalli</i> Dalam Enakmen Wakaf.....	155
3.4.1	MAIN Sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf.....	158
3.4.2	MAIN Sebagai Pendaftar Perletakkan Hak <i>Mauquf</i>	161
3.4.3	MAIN Sebagai Pengurus Harta Wakaf.....	163
3.4.4	MAIN Sebagai Pembangun Harta Wakaf	167
3.4.5	MAIN Sebagai Pelaksana <i>Istibdāl</i>	171
3.5	Kesimpulan.....	177

BAB 4 ANALISIS *MUTAWALLI WAKAF* DI SAR DAN SABK

	UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA.....	178
4.1	Pengenalan.....	178
4.2	Institusi Pentadbiran Wakaf di Malaysia	178
4.3	Perundangan Wakaf di Malaysia	189
4.4	<i>Mutawalli</i> Wakaf di Utara Semenanjung Malaysia.....	198
4.4.1	<i>Mutawalli</i> Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIPk).....	201
4.4.2	<i>Mutawalli</i> Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).....	207
4.4.3	<i>Mutawalli</i> Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK).....	212
4.4.4	<i>Mutawalli</i> Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs).....	219
4.5	Institusi Pendidikan Wakaf di Malaysia.....	227
4.6	Pentadbiran Wakaf di Institusi Pendidikan Wakaf Utara Semenanjung Malaysia.....	238
4.6.1	<i>Mutawalli</i> Institusi Pendidikan Wakaf di Perak.....	239
4.6.1(a)	SMAR Al-Tahzib, Titi Serong.....	240
4.6.1(b)	SMA Al-Falah, Parit Tok Ngah.....	243
4.6.2	<i>Mutawalli</i> Institusi Pendidikan Wakaf di Pulau Pinang.....	246
4.6.2(a)	SMA Maahad Mashoor al-Islami.....	247
4.6.2(b)	SMA Faqiah Daimiah, Permatang Pauh.....	253
4.6.3	<i>Mutawalli</i> Institusi Pendidikan Wakaf di Kedah.....	256
4.6.3(a)	SMA Nahdhah Hasanah, Melele.....	258

4.6.3(b) SMA Tarbajah Diniah Kulim (SMATD).....	262
4.6.4 Mutawalli Institusi Pendidikan Wakaf di Perlis.....	266
4.6.4(a) SA al-Islahiyah, Bohor Mali, Simpang Empat Perlis.....	267
4.6.4(b) Ma'had Attarbiyah al-Islamiyah (MATRI)	272
4.7 Kesimpulan.....	277
BAB 5 KESIMPULAN DAN PENUTUP	
5.1 Pengenalan.....	283
5.2 Kesimpulan.....	283
5.3 Cadangan dan Saranan.....	292
BIBLIOGRAFI.....	296

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Peranan MAIN Sebagai <i>Mutawalli</i> Dalam Enakmen Wakaf
Jadual 4.1	Perbezaan Peranan JAWHAR dan MAIN 186
Jadual 4.2	Peruntukan Undang-undang Wakaf dalam Negeri-negeri di Malaysia..... 193
Jadual 4.3	Peruntukan Majlis Sebagai Pemegang Amanah Tunggal dalam Enakmen Wakaf di Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia..... 199
Jadual 4.4	Peranan <i>Mutawalli</i> dan Contoh Pembangunan Projek Wakaf di MAIN Utara Semenanjung Malaysia..... 224
Jadual 4.5	Perbandingan Struktur Pentadbiran SAR dan SABK Terhadap harta-harta Wakaf di Institusi Pendidikan Wakaf 225
Jadual 4.6	Perbandingan Pemegang Amanah Tunggal Wakaf (PAWT) dan <i>Mutawalli Far'iyyah</i> Terhadap Harta Wakaf SAR dan SABK ... 274

SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 1	Struktur Organisasi JAWHAR.....
Carta 2	181
Carta 3	Struktur Organisasi YWM.....
Carta 4	187
Carta 5	Struktur Organisasai Pentadbiran Wakaf MAIPk
Carta 6	203
Carta 1	Struktur Organisasi Perbadanan Wakaf MAINPP.....
Carta 2	210
Carta 3	Struktur Organisasai Pentadbiran Wakaf MAIK.....
Carta 4	214
Carta 5	Struktur Organisasai Pentadbiran MAIPs.....
Carta 6	221

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1 Infografik Kriteria Perlantikan *Mutawalli* Wakaf.....114

SENARAI SINGKATAN

Bil.	Bilangan
DPIIM	Dewan Perdagangan Islam Malaysia
hlm.	Halaman
ibid	Rujukan yang berturut
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JHEAIN	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri
Jil.	Jilid
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
Juz.	Juzuk
KAFA	Kelas Agama Fardu Ain
KTN	Kanun Tanah Negara
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINP	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
op.cit	Rujukan yang berselang
RA	Radiyallahu ‘anhu
SAW	Sallaallah ‘alayh wa sallam
SWT	Subhanahu wa ta’ala
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
Sdn.Bhd	Sendirian Berhad
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
t.t	Tanpa tahun
terj.	Terjemahan
YPINK	Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan
YB	Yang Berhormat
YWM	Yayasan Wakaf Malaysia

SENARAI TRANSLITERASI

1. Konsonan

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ا	-		
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	Khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	الرحمن	Rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr

ض	d	ضمير	damir
ط	t	ظاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	wasl
ه	h	هبط	habata
ء	'	سأـ	sa'ala
ي	y	يسار	yasar
ة	ah*	المكتبة	maktabah

* Huruf Arab ة ، ئ ، ئ (ta marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan

perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’.

Contoh : **وزارة التعليم**, transliterasi: wizarat al-ta'lim, bukannya wizarah al-ta'lim. Tetapi

sekiranya terdapat pada perkataan yang ada **ال** (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta marbutah ditransliterasikan kepada 'h'.

Contoh:

المكتبة الأهلية

Trasliterasi:

al-Maktabah al-Ahliyyah

قلعة

qal'ah

دار وهبة

Dar Wahbah

2. Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ـ	a	 فعل	fa'ala
ـ	i	حسب	hasiba
ـ	u	كتب	kutiba

3. Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ا، ي	a	كاتب ، قضى	katib,qada
ي	i	كريم	karim
و	u	حروف	huruf

4. Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
فْ	قُوْل	qawl
يْ	سِيْف	sayf
ي	رَجْعِي	raj'iyy/raj'i
و	عَدْو	'aduww/a'du

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A SURAT PERMOHONAN DAN PERLANTIKAN PENILAI
SOALAN TEMUBUAL KAJIAN
- LAMPIRAN B SURAT PENGESAHAN SOALAN TEMUBUAL KAJIAN
- LAMPIRAN C SURAT PENGESAHAN TIMBALAN DEKAN UNTUK
MENGADAKAN
KAJIAN
- LAMPIRAN D SURAT PENGHARGAAN KEPADA PENILAI KESAHAN
SOALAN-SOALAN
TEMUBUAL DARI DEKAN PENGAJIAN ILMU
KEMANUSIAAN
- LAMPIRAN E SURAT MEMOHON KEBENARAN MENGADAKAN
TEMUBUAL KAJIAN
- LAMPIRAN F SOALAN TEMUBUAL DI MAIN
- LAMPIRAN G SOALAN TEMUBUAL DI SAR DAN SABK
- LAMPIRAN H SENARAI PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN

PERANAN *MUTAWALLI* WAKAF:
KAJIAN KE ATAS SEKOLAH AGAMA RAKYAT
DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
DI WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui Peranan *Mutawalli* Wakaf: Kajian Ke Atas Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Ini kerana jika diperhatikan banyak institusi-institusi pendidikan wakaf seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), dibina dan dibangunkan hasil sumbangan wakaf. Namun SAR dan SABK ini tidak memiliki kuasanya sendiri dari sudut undang-undang sebagai *mutawalli* wakaf yang boleh bertindak mengurus dan membangunkan institusi pendidikan mereka sendiri. *Mutawalli* yang dilantik oleh pihak sekolah pula tidak memiliki pengetahuan dan kepakaran sepenuhnya tentang wakaf. Kajian dilakukan bagi melihat peranan *mutawalli* wakaf pada peringkat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) SAR dan SABK. Metode kajian yang dilakukan adalah secara Kualitatif dan secara kajian lapangan dengan mengadakan temubual terhadap responden yang telah dikenal pasti. Hasil kajian menunjukkan bahawa *mutawalli* di SAR dan SABK tidak dapat berperanan sebagai *mutawalli* wakaf sepenuhnya. Ini kerana MAIN adalah Pemegang Amanah Tunggal di Malaysia, manakala pentadbir institusi pendidikan wakaf seperti SAR dan SABK pula kurang kefahaman, kurang kepakaran di samping dihimpit pelbagai masalah seperti masalah kelemahan pengurusan, kewangan dan disamping tidak mendapat bimbingan daripada MAIN sendiri.

**THE ROLE OF *MUTAWALLI* WAKAF:
STUDY ON *SEKOLAH AGAMA RAKYAT* AND
SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
IN THE NORTHERN REGION OF PENINSULAR MALAYSIA**

ABSTRACT

This study was conducted to find out the Role of *Mutawalli* Waqf: Study on People's Religious Schools (SAR) and Government Aided Religious School (SABK) in the Northern Region of Peninsular Malaysia. This is because if we look at many waqf educational institutions such as Religious Schools (SAR) and Government Aided Religious School (SABK) built and developed as a result of waqf donations. However, SAR and SABK do not have their own authority from a legal point of view as waqf *mutawalli* who can act to manage and develop their own educational institutions. The *mutawalli* appointed by the school do not have full knowledge and expertise about waqf. A study was conducted to see the role of *mutawalli* waqf at the level of the State Islamic Religious Council (MAIN) SAR and SABK. The research method carried out is Qualitative and field research by conducting interviews with identified respondents. The results of the study show that *mutawalli* in SAR and SABK cannot act as waqf *mutawalli* completely. This is because MAIN is the Sole Trustee in Malaysia, while the administrators of waqf educational institutions such as SAR and SABK lack understanding, lack expertise, and are also plagued by various problems such as management weakness, financial problems and in addition to not receiving guidance from MAIN itself.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan suatu pengenalan umum bagi penulisan tesis ini bagi membincangkan tajuk dan topik yang akan menggambarkan secara lebih jelas mengenai penyelidikan yang bakal dikaji meliputi latar belakang, penyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas dan metodologi kajian. Tumpuan utama kajian ini adalah tentang peranan *mutawalli* wakaf di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Utara Semenanjung Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Wakaf merupakan salah satu daripada institusi ekonomi Islam yang wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Bahkan sejarah telah membuktikan bahawa sumbangan institusi wakaf pada zaman kegemilangan pemerintahan khilafah ‘Uthmaniyyah sebagai salah satu sumber pendapatan kepada kerajaan Islam yang berperanan dalam membiayai aktiviti kebajikan masyarakat, keagamaan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Dalam bidang pendidikan umpamanya, harta wakaf telah digunakan bagi menanggung perbelanjaan penyelenggaraan masjid yang merupakan institusi pendidikan pada zaman itu, di samping hasil wakaf juga bertujuan membayar upah kepada tenaga pengajar pada ketika itu.¹

¹ Farhana Binti Mohamad Suhaimi (2011), *Peranan Dana Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam Di Pulau Pinang*, Disertasi Jabatan Syariah Dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, hlm.1.

Selain wakaf untuk tujuan ibadah kepada Allah SWT, wakaf juga dianggap sebagai institusi bagi menjana ekonomi yang amat berkesan dari dulu sehingga kini. Ini kerana sumber wakaf mempunyai ciri-ciri pembangunan ekonomi yang berhubungan dengan Allah SWT dan berhubungan sesama manusia. Di Malaysia, wakaf dalam bidang pendidikan Islam adalah salah satu bentuk wakaf yang menjadi pilihan kepada masyarakat di samping wakaf untuk masjid, tanah perkuburan dan rumah anak-anak yatim. Asas kepada wakaf-wakaf ini adalah berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW:

عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال
"إِذَا ماتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ جَارِيَةٍ أَوْ
عِلْمٍ يَنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدًا صَالِحًا يَدْعُوهُ لَهُ".

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Apabila mati anak Adam, akan terhentilah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkannya atau anak yang soleh yang mendoakannya.²

Amalan wakaf bagi ilmu pengetahuan ialah dengan mendirikan bangunan institusi pendidikan Islam bagi melahirkan anak yang beriman dan soleh. Bagi negara Malaysia, perkembangan wakaf dalam pendidikan Islam dapat dilihat dengan terbinanya Institusi-institusi Pendidikan Islam seperti SAR, Sekolah Pondok dan Ma’had Tahfiz. Harta wakaf tersebut digunakan untuk memberi manfaat kepada pendidikan yang dituntut oleh syarak.

Ini bersesuaian dengan hadis nabi SAW

حبس مال يمكن الإنتفاع به معبقاء عينه بقطع التصرف في رقبته
على مصرف مباح.

Maksudnya: Menahan harta (wakaf) yang dapat dimanfaatkan hasilnya tanpa menghilangkan ‘ainnya’,

² Al-Tarmidhi, Abi ‘Isa Mohammad bin ‘Isa bin Surah (1980), *Sunan al-Tarmidhi*, Beirut: Dār al-Fikr, Jil.2, hlm.418. Lihat juga: Imam Abi al Husain Muslim bin al Hujjāj bin Muslim (t.t.), *Al Jami’ al Sahih al Musamma Sahih Muslim*, Semarang: Toga Putra, Juz.3, hlm.73.

dengan cara memutus hak *tasaruf* pada orang yang berwakaf atau yang lainnya, dan dibelanjakan di jalan kebaikan yang diharuskan syarak.³²⁸

Wakaf bagi tujuan pendidikan amat penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Sejarah telah membuktikan bahawa amalan berwakaf dalam bidang pendidikan telah melahirkan banyak institusi pengajian yang terkemuka dan tersohor di dunia, institusi tersebut berkekalan sehingga pada hari ini dan melahirkan ribuan ulama' yang terkenal di seluruh dunia. Kemajuan tersebut adalah rentetan daripada peranan yang dimainkan oleh *mutawalli* wakafnya dalam pengurusan dan pentadbiran harta-harta wakafnya. Ini adalah suatu perkara yang amat penting dan tidak boleh diabaikan. Oleh itu dalam konteks perlantikan *mutawalli* wakaf, ia perlu dilakukan secara sistematik dan berhati-hati. Ini supaya mereka yang dilantik sebagai *mutawalli* wakaf dapat melaksanakan tugasnya dengan berkesan. Malah ini dapat dilihat melalui sejarah wakaf Saidina Umar RA sendiri, yang telah mewakafkan hartanya dan urusan pengurusan harta wakaf tersebut pada peringkat awal adalah diuruskannya sendiri. Malah beliau juga, sebagai pewakaf telah melantik anaknya Saidatina Hafsah untuk menguruskan harta wakaf tersebut selepas kewafatannya. Selain itu beliau juga telah meletakkan syarat-syarat tambahan dalam perwakafannya dengan membuat perlantikan *mutawalli* seterusnya dengan menentukan perlantikan daripada kalangan ahli keluarganya juga yang terdiri daripada bijak pandai. Ini supaya harta wakaf tersebut terus terpelihara sehingga beberapa generasi. Dalam Islam, *mutawalli* merupakan pengurus harta wakaf. Oleh itu, pelantikan *mutawalli* sebagai pengurus wakaf dilihat sebagai perkara penting. Ini kerana *mutawalli* adalah mereka yang bertanggungjawab untuk mengurus, memelihara, melindungi dan mengembangkan harta

³ Muhammad Ibnu Ismail a-San'any (t.t), *Subul al- Salam*, Juz.3, Beirut: Dār al-Kitab al- Ilmiyah, hlm.167.

pewakaf untuk kepentingan masyarakat Islam. Ia bertepatan sebagaimana takrifan yang diberikan oleh undang-undang Fiqh di Mesir. *mutawalli* ialah;

المتولي بأنه: من يقوم بإدارة شؤون الوقف وحفظ أعيانه واستغلال
مستغلاً له وصرف ريعه في مصارفه وتنفيذ شروط الواقف الواجب
تنفيذها ورعايتها مصالح الوقف والموقف عليهم.

Maksudnya: *mutawalli* ialah seseorang yang menguruskan urusan wakaf, dengan memelihara aset wakaf, mengerjakan dan memajukannya dengan cara membelanjakan hasilnya pada tempatnya. Selain itu ia juga melaksanakan syarat-syarat pewakaf yang harus dilaksanakan, di samping menjaga kepentingan harta wakaf dan kepentingan *mauquf alaih*.⁴

Pada masa kini, di kebanyakan negara-negara Islam, masalah utama kemerosotan institusi wakaf ialah kelemahan *mutawalli* wakaf itu sendiri dalam pengurusan harta wakafnya. Ini termasuklah negara Malaysia.⁵ Antara faktor yang menyumbang kepada masalah pengurusan wakaf di negara ini ialah seperti kelemahan memahami perundangan, penyalahgunaan harta wakaf, kurangnya kejujuran di kalangan *mutawalli* persendirian, kekurangan kemahiran dan kekurangan kesedaran tentang wakaf dalam kalangan masyarakat Islam itu sendiri.⁶

Bagi memastikan bahawa semua harta dan aset wakaf terus terpelihara dan dimajukan, ia perlu ditadbir dan diterapkan sesuai dengan terma dan syarat yang ditetapkan

⁴ Muhammad Rafi' Yunus Muhammad (2008), *Mutawalli al-Waqf, Dirāsah Qānuniah Muqāranah Bainā al-Fiqh al-Islamiy Fi Mazāhabah al-Mukhtalifah wa al-Qānunina al-'Arabiyyah wa Mu'zazatu Bi al-Tatbiqiyyah al-Qānuniyah*, Iskandariah:Dār al-Matbu'āt al-Jamiyyah, hlm.47.

⁵ Muhammad Syahir Abu Bakar et.al, *Faktor-Faktor Kelemahan Pengurusan Dan Pentadbiran Islam Di Malaysia Serta Langkah- Langkah Mengatasinya*, Jurnal Ilmi, Jilid 6, 2016, hlm.89-104. Lihat juga: Rohayu Abdul Majid dan Rosli Said (2014), *Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf Di Malaysia*, International Surveying Research Journal, hlm.29-43

⁶ Siti Aishah Hassan dan Rusnadevi Abdul Rashid, *Towards Improvement Of The Rights And Duties Of Mutawalli And Nazir In The Management And Administration Of Waqf Assets*, 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference 2015

oleh pewakaf. Semua instrumen harta wakaf, berserta dengan dokumen hakmiliknya dan dokumen lain yang berkaitan dengan harta wakaf hendaklah dijaga oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). MAIN harus mengambil langkah-langkah perlu dalam mendaftarkan semua aset dan dana wakaf serta melakukan penyiasatan secara berkala demi kelestarian harta dan aset-aset wakaf tersebut.⁷

Dalam masa yang sama juga, bagi melindungi harta wakaf, MAIN perlu mampu mengembangkan, menguatkuaskan dan menerapkan undang-undang, peraturan dan prosedur khusus untuk mentadbir dan mengurus harta wakaf termasuk dari aspek pentadbiran dan kewangan. Selain itu MAIN juga boleh menubuhkan entity secara berasingan bagi membantu pihak-pihak tertentu dalam pembangunan asset-aset wakaf tersebut. Manakala bagi menyediakan laporan prestasi pengurusan wakaf, setiap enakmen wakaf negeri boleh menyediakan syarat dan peraturan tertentu untuk menghasilkan penyata kewangan dan akaun yang relevan untuk tujuan pengauditan dan pelaporan.⁸

Hakikatnya, pengurusan yang baik adalah nadi penggerak bagi sesebuah organisasi. Pengurusan yang sistematik mampu memberi aliran urus tadbir yang berkesan. MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf atau disebut sebagai *mutawalli* perlu mempunyai sistem pengurusan dan urus tadbir yang tersendiri dalam pengurusan harta-harta wakaf. Malah MAIN juga boleh mencorakkan sendiri bentuk pengurusan harta wakaf mengikut

⁷ Hasyeilla Abd. Mutualib et.al (2015), Kajian Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Pentadbir Persendirian Dalam Pengurusan Institusi Wakaf di Malaysia, 9th. International Islamic Development Management Conference (Proceeding of DMA 2015).

⁸ *Ibid.*

bentuk pengurusan negeri masing-masing.⁹ Selain itu MAIN selaku *mutawalli* tunggal perlu mengkaji kelebihan dan perbezaan di kalangan institusi wakaf swasta atau persendirian yang ditadbir secara korporat. Sebagai contoh, iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) yang merupakan institusi wakaf korporat yang telah menjalankan pengurusan dan tadbir urus harta wakafnya mengikut kaedah korporat.

Ciri utama wakaf korporat adalah terletak pada kaedah pengurusan harta melalui saham-saham syarikat JCorp yang diwakafkan akan didaftarkan sebagai harta wakaf dengan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) di atas nama WANCorp. Dengan gaya pengurusan dan tadbir urus begini, maka harta-harta wakaf dapat diselia dengan baik dan berkesan. Oleh itu, contoh pelaksanaan wakaf korporat ini sebenarnya dapat memberi sumbangan dan manfaat yang besar terutama dari aspek pembangunan sosioekonomi dan sosial masyarakat Islam di negara ini.¹⁰

Di Malaysia, wakaf untuk tujuan pendidikan telah lama berjalan dan dilaksanakan. Cuma amalan wakaf pendidikan di Malaysia secara tradisinya adalah lebih tertumpu kepada wakaf dalam bentuk tapak tanah untuk mendirikan pondok-pondok dan Sekolah Agama Rakyat (SAR).¹¹ Ini dapat dilihat melalui kajian Amerudin Ismail (2013) menunjukkan bahawa sumber pembinaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang adalah dibina hasil daripada wakaf, seperti wakaf

⁹ Hasyeilla Abd Mutualib et.al, *op.cit.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Syed Mohd.Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2010), *Pembangunan Wakaf Pendidikan Di Malaysia*, Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa ke-7: Epestimologi Tauhid – Ekonomi Zakat DanWakaf di ILIM Bangi, Selangor pada 6-7 Januari 2010.

tanah, bangunan sekolah dan bangunan asrama.¹² Namun menurut Abul Hassan dan Mohammad Abdus Shahid (2010), mereka mengatakan kebanyakkan harta wakaf yang baik dan berpotensi pada peringkat awalnya telah tidak di jaga dan di uruskan dengan sempurna dan semakin rosak akhirnya. Punca utama masalah ini adalah kerana kekurangan dana.¹³ Menurut Nik Mohd Zain Mohd Yusof et.al (1999), kekurangan sumber kewangan adalah antara punca utama yang membawa kepada masalah untuk membangunkan atau menjalankan sesuatu projek pembangunan harta wakaf.¹⁴

Walau bagaimanapun Abd Ghafar Ismail dan Noraziah Che Arshad (2009) dan Abdul Halim Ramli (2005), Mengatakan perkara tersebut boleh diatasi dengan mewujudkan sumber dana. Antara sumber dana yang boleh diwujudkan dalam membantu menyelesaikan masalah harta-harta wakaf adalah melalui wakaf tunai.¹⁵

Walaupun begitu pembentukan Dana Wakaf masih belum mencukupi untuk dijadikan jaminan kepada pembangunan tanah-tanah wakaf tersebut dalam membangunkan ekonomi institusi Pendidikan wakaf. Usaha dan pelaksanaan tugas dengan baik oleh *mutawalli* juga perlu diambil kira dalam menjayakan usaha-usaha tersebut. Oleh kerana itu, adalah penting untuk membuat penilaian sejauh mana peranan yang dimainkan oleh

¹² Amerudin Ismail, (2013), *Konsep dan Pengurusan Wakaf Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang*, Thesis Sarjana, Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia, hlm.153

¹³ Abul Hassan and Mohammad Abdus Shahid. (2010), *Management and Development of The Awqaf Assets*, Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy

¹⁴ Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999), *Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian* dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 6, hlm.105-154;

¹⁵ Abdul Ghafar Ismail dan Noraziah Che Arshad (2009), *Pengurusan Zakat Dan Wakaf Di Malaysia: Satu Langkah Ke Hadapan*, Jurnal Pengurusan JWZH (Vol 3, No.2)

mutawalli wakaf dalam memanjukan sesuatu institusi pendidikan wakaf seperti SAR atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Selain daripada perancangan yang rapi, pengurusan *mutawalli* yang sistematik, juga perlu diberi perhatian oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini. Abu Bakar Manat (2007), juga menyarankan agar institusi wakaf di Malaysia seperti MAIN perlu bersikap lebih telus dalam pengurusannya dan bersedia menerima kritikan dan nasihat yang membina selain mencontohi negara-negara yang terlebih dahulu maju dalam pembangunan harta wakaf seperti Mesir, Kuwait dan Singapura.¹⁶

Ahmad Zaki Abd Latif (2008), juga mengemukakan beberapa lagi contoh Institusi Pendidikan Wakaf yang masih kekal dan berjaya sehingga sekarang yang telah melahirkan ribuan ulama yang terkenal dan tersohor di seluruh dunia. Antaranya ialah Universiti Cordova di Andalus, al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Baghdad, Universiti Islam Indonesia, al-Jamiah al-Islamiah di Madinah dan lain-lainnya¹⁷

Selain itu, terdapat juga universiti-universiti di Barat yang mengamalkan konsep “*endowment*” dan mempunyai pemegang amanah (*trustee*) yang menjalankan dan menguruskan operasi institusi-institusi pendidikan mereka melalui dana tunai yang

¹⁶ Abu Bakar Manat (2007), "Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf", Jurnal Pengurusan JWZH, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), Jil.1, 1(5), hlm.53-72. Lihat juga; Farhana binti Mohamad Suhaimi (2011), *op.cit.* hlm. 13.

¹⁷ Ahmad Zaki Abdul Latiff et.al (2008), "Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia", Jurnal Pengurusan JAWHAR, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jil.2, hlm.25-62

dilaburkan bagi digunakan untuk membaii institusi pendidikan mereka.¹⁸ Antaranya ialah Universiti Oxford dan Universiti Harvard. Namun Jika dilihat kejayaan institusi-institusi pendidikan tersebut sama ada di negara-negara Islam atau negara-negara Barat, kejayaan ini adalah terletak di bawah pengurusan dan pentadbiran yang cekap bagi institusi-institusi pendidikan tersebut.

Namun di Malaysia institusi-institusi pendidikan wakaf seperti SAR terutamanya, masih berada dalam keadaan yang kurang memuaskan tanpa mempunyai sokongan ekonomi yang kukuh bagi memartabatkan institusi tersebut supaya menjadi lebih efisien sesuai peredaran zaman seiring dengan institusi-institusi kerajaan. Sedangkan pada zaman kegemilangan Islam pada suatu ketika dahulu, institusi pendidikan wakaf merupakan institusi yang hebat. Namun sekarang, hubungan wakaf dan pendidikan Islam itu semakin lemah walaupun terdapat pelbagai teori yang membahaskan tentang peranan wakaf dan kaitannya dengan pendidikan. Umat Islam sepatutnya perlu menggunakan kerangka pengurusan wakaf yang berkesan melalui *mutawalli* yang berwibawa dan melaksanakan wakaf dalam bentuk baru dan mudah diaplikasikan seperti wakaf tunai untuk membaiki keadaan dan mutu pendidikan terutamanya di SAR dan SABK yang sememangnya berteraskan wakaf, Apatah lagi jika teori-teori baru wakaf ekonomi dalam pendidikan tersebut tidak bercanggah dan bertentangan dengan prinsip-prinsip asas yang membentuk kemajuan Islam.¹⁹

¹⁸ Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2010), *Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia*, kertas kerja dibentangkan di Seventh International Conference the Tawhidi Epistemologi: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010, hlm.143

¹⁹ Hasan Langgulung (1991), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, hlm.161.

Ahmad Zaki et.al (2009), mengatakan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal dalam mentadbir harta wakaf perlu ada hala tuju yang lebih jelas terhadap institusi-institusi pendidikan wakaf yang sedia ada dalam aspek mengurus dan mentadbir harta-harta wakaf di institusi-institusi pendidikan tersebut.²⁰ Sebagai contoh, walaupun terdapat sesetengah institusi pendidikan wakaf memiliki harta-harta wakaf yang ditadbir oleh pemegang amanah masing-masing yang merupakan wakaf persendirian dan bukannya ditadbir oleh MAIN. MAIN perlu mempunyai pendirian yang tegas terhadap mana-mana pihak yang engkar melakukan perubahan seperti yang berlaku kepada SMU (A) Sullamiah, Bunut Payong, Kelantan. Dalam kes ini pewakaf tidak menukar nama pemegang amanah institusi pendidikan ke atas nama MAIN disebabkan bimbang sekiranya Kerajaan Negeri akan mengubah status wakaf pendidikan kepada status wakaf yang lain. Atas alasan kebimbangan tersebut timbul kerana kawasan sekolah tersebut adalah terletak di kawasan bandar yang strategik dan bernilai tinggi. Sedangkan pada asasnya sesuatu harta wakaf bukanlah sewenang-wenangnya boleh dipindah milik untuk selain tujuan pewakafan yang diniatkan oleh pewakaf. Oleh itu, kes seperti ini dianggap mudah oleh mana-mana pihak untuk terus kekal memiliki aset wakaf atas nama pemilikan persendirian. Ini sudah pasti akan memberi kesan kepada penerima manfaat wakaf pada masa hadapan.

Antara kesan tersebut yang dapat dilihat ialah pihak MAIN enggan membina bangunan sekolah tambahan di tanah wakaf tersebut. Ini kerana mengikut Seskyen 5 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), apa sahaja benda di atas tanah wakaf tersebut seperti bangunan atau pokok-pokok yang ditanam di atas tanah tersebut adalah termasuk sebagai hakmilik

²⁰ Zainal Azam (2013), *Pihak yang layak mengurus wakaf*, Utusan Malaysia, 18 March 2013.

pemilik tanah yang berdaftar. Jika pihak MAIN membina bangunan sekolah di atas tanah tersebut, maka bangunan tersebut akan menjadi hakmilik waris pewakaf dan sekiranya tuntutan berlaku dan tuntutan tersebut berjaya, maka pihak MAIN terpaksa menanggung kerugian kerana tuntutan tersebut mungkin lebih berupa kepentingan peribadi dan bukan untuk kepentingan umat Islam keseluruhannya. Oleh itu, MAIN tidak boleh membantu dari segi membina bangunan untuk sekolah tersebut. Ini kerana dikhuatiri pewaris harta wakaf akan mengambil alih bangunan tersebut.²¹ Kesimpulannya dalam kes seperti ini, ia merupakan suatu contoh halangan dalam perkembangan wakaf dalam pendidikan. Walaupun kes-kes seperti ini adalah kes yang terpencil, tetapi suatu kajian yang lanjut perlu dilakukan untuk mengenal pasti, apakah halangan-halangan lain yang berkemungkinan berlaku daripada aset-aset wakaf dapat dikembangkan sama ada pada peringkat MAIN atau pada peringkat institusi-institusi pendidikan wakaf itu sendiri.

1.3 Penyataan Masalah

Dalam Islam pengurusan dan pentadbiran wakaf adalah suatu perkara yang penting dan tidak boleh diabaikan. Oleh itu mereka yang dilantik sebagai *mutawalli* perlu melaksanakan tugas dengan berkesan. Jika diperhatikan banyak institusi-institusi pendidikan Islam seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), pondok dan Ma'had Tahfiz al-Quran dibina hasil sumbangan wakaf.²² Namun institusi-institusi pendidikan ini tidak mempunyai kuasa yang

²¹ Ahmad Zaki Hj. Abd Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail. (2009). *Pengurusan Harta Wakaf Dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia*, Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 2, No.2. Lihat juga: Hasyeilla Abd Mutualib, et.al (2015) *Kajian Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Pentadbir Persendirian Dalam Pengurusan Institusi Wakaf di Malaysia*, 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference. (IDMAC2015), Januari 2015.

²² *Ibid.*

jelas sebagai *mutawalli*, samada pengurus harta wakaf pendidikan tersebut bertaraf *mutawalli asliyyah*, *mutawalli far'iyyah* atau sekadar wakil *mutawalli* sahaja. Pengurusan harta wakaf ini penting kerana tiada wakaf dapat direalisasikan intipatinya secara berkesan tanpa peranan pihak pengurusan wakaf yang bersungguh-sungguh memajukannya. Lebih-lebih lagi pengurusan harta wakaf adalah terikat dengan niat pewakaf. *Mutawalli* adalah pihak yang bertanggungjawab untuk membangun dan menguruskan harta wakaf secara konsisten bagi memperolehi manfaatnya secara sah dari sudut fiqh dan undang-undang.

Masalah utama untuk mengekalkan kelestarian wakaf ialah masalah pengurusan wakaf, bahkan pengurusan yang sistematik mampu memberi aliran urus tadbir yang berkesan. Sememangnya setiap MAIN mempunyai sistem pengurusan dan urus tadbir yang tersendiri dalam urusan-urusan harta wakaf, namun terdapat kajian yang menyatakan bahawa, MAIN yang berperanan sebagai *mutawalli* tunggal dalam pengurusan wakaf di Malaysia selama ini tidak proaktif dan dilihat sebagai sebab mengapa harta wakaf dibiarkan tidak produktif. Alasan utama dikemukakan ialah kekurangan kakitangan. Selain daripada itu persoalan tanah wakaf yang tidak diuruskan dengan baik juga berpunca daripada pengkategorianya yang tidak tersusun menyebabkan kurangnya tarikan pelaburan untuk pembangunan selain kekurangan di dalam sumber manusia untuk menguruskannya. kebanyakkan harta wakaf yang baik dan berpotensi tidak di jaga dan di uruskan dengan sempurna menyebabkan manfaat wakaf tidak dapat diteruskan.²³

²³ Shahrina Romli et.al (2022), *Analisa Faktor Permasalahan Membangunkan Tanah Wakaf di Malaysia*, Journal of Law & Governance, Volume 4, No.1 2022.

Menurut kajian Amerudin bin Ismail (2013), kebanyakkan Institusi Wakaf Pendidikan seperti SAR dan SABK mempunyai aset-aset wakaf dalam bentuk harta tak alih dan harta alih, namun harta tak alih kebanyakannya tidak direkodkan dan apabila rosak tidak digantikan sebagaimana sepatutnya. Manakala harta wakaf yang berpotensi tidak dibangunkan dikembangkan untuk menampung perbelanjaan pengurusan, sebaliknya terpaksa bergantung kepada sumber lain yang tidak konsisten untuk menampung kos operasinya.²⁴ Manakala menurut Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999) kebergantungan institusi-institusi pendidikan wakaf daripada peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh kerajaan pula adalah sangat terhad. Oleh itu institusi-institusi pendidikan wakaf sedia ada amat memerlukan dana wakaf yang lebih konsisten dalam usaha bagi menyalurkan manfaatnya secara berterusan sebagaimana yang diperlukan.²⁵

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Zaki Abd. Latif et.al (2008), Wakaf, Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia, mendapatkan bahawa kebanyakkan pentadbir institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai keahlian dalam bidang pengurusan wakaf dan tidak mempunyai kefahaman yang mendalam dalam bidang wakaf.²⁶ Manakala dari sudut pentadbiran institusi pendidikan wakaf pula, para pentadbir

²⁴ Amerudin bin Ismail (2013), *Konsep dan Pengurusan Wakaf Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang, Thesis Sarjana*, USM: Pulau Pinang, hlm.60.

²⁵ Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil.6, hlm.105-154; Lihat juga; Zainal Abidin Jaafar (1999), "Pengurusan Wakaf di Wilayah Persekutuan: Amalan dan Perancangan" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil.4, hlm.43-64; Lihat juga; Mohd Yusof Yahya (1999), "Pengurusan Wakaf di Perak" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil.5, hlm.65-104

²⁶ Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff et.al, (2008), *Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan di Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UTM, hlm.131.

pula hanya berperanan sebagai pentadbir institusi pendidikan sahaja tanpa memberi perhatian kepada pentadbiran pengurusan dan pembangunan wakaf di institusi Pendidikan itu sendiri.²⁷

Menurut Najibah Mustaffaa dan Mohd Zamro bin Muda (2014), Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur menyatakan bahawa institusi pendidikan di Malaysia memerlukan sumbangan wakaf dan dana yang berterusan bagi memantapkan pendidikan.²⁸ Oleh itu bagi melaksanakan tujuan tersebut ia perlu mempunyai *mutawalli* yang professional dan berautoriti bagi menguruskan dana wakaf tersebut.²⁹

Oleh itu sewajarnya institusi-institusi pendidikan seperti SAR atau SABK perlu mewujudkan tugas *mutawalli* wakaf yang turut mempunyai kuasa dari sudut undang-undang sebagai pentadbir dan pengurus harta-harta wakaf tersebut bagi tujuan kelestariannya. Kuasa tersebut pula perlu jelas, sama ada sebagai *mutawalli asliyyah*, *mutawalli far'iyyah* atau wakil *mutawalli*. Ini supaya perjalanan institusi-institusi pendidikan wakaf yang dibina daripada hasil wakaf dapat berjalan dan diurus seiring dengan perkembangan semasa dan pada masa yang sama, harta-harta wakaf tersebut terus berkembang dan terpelihara. Malah pahalanya pula akan berterusan sampai kepada pewakaf.

²⁷ *Ibid*, hlm.171.

²⁸ Najibah Mustaffaa dan Mohd Zamro bin Muda (2014), *Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur*, UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies, November 2014.

²⁹ Rosnani Hashim, (1990), *Ekonomi dalam Pendidikan: Peranan Institusi Sebagai Wakaf*, Jil.3, Bil.1, Petaling Jaya: Jurnal Pendidikan Islam, hlm.44

Menurut kajian Mohamat Sabri Hassan, et.al (2014), Sepatutnya, harta wakaf perlu dibangun atau dilaburkan dalam usaha untuk memastikan wakaf tersebut berfungsi untuk selama-lamanya. Ini kerana definisi wakaf adalah untuk mengekalkan sumber wakaf, manakala hasil daripadanya digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan, Jika aset wakaf diusaha dan dibangunkan secara sepatutnya, maka pulangan daripada hasil wakaf boleh digunakan untuk memenuhi niat pewakaf yang mewakafkan harta tersebut. Oleh itu, sekiranya tugas dan peranan *mutawalli* wakaf di SAR dan SABK dapat diperkasakan, ia bakal menyumbang sesuatu yang lebih besar terhadap pembangunan pendidikan di SAR dan SABK itu sendiri, selain itu ia juga dapat meringankan bebanan kewangan kerajaan dalam pendidikan.³⁰

Kajian Amerudin Ismail (2013) juga mendapati, sumber wakaf di SAR yang terdiri daripada harta alih seperti kerusi dan meja juga adalah sukar untuk dipastikan mampu kekal hingga ke akhirnya, Ini kerana tiada sumber kewangan untuk menggantikannya.³¹ Selain itu didapati terdapat sumbangan wakaf daripada harta alih juga tidak direkodkan secara sepatutnya. Sedangkan sepatutnya ia perlu direkodkan dan tugas ini sebenarnya adalah tanggungjawab seorang *mutawalli*.³² Selain itu didapati juga, institusi pendidikan wakaf seperti SAR dan SABK juga tidak diurus secara sepenuhnya antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan institusi pendidikan wakaf itu sendiri. Keadaan ini menjadikan pengurusan institusi pendidikan wakaf seperti di SAR tidak dapat dilakukan secara lebih sistematik dan

³⁰ Mohamat Sabri Hassan et.al (2014), *Pelaporan Wakaf Di Malaysia: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan*, Prosiding Perkem Ke-9 (2014), hlm. 226-23.

³¹ Siti Mashitoh Mahmood (2007), *Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang*, Jurnal Syariah, Jil.15, bil.2, hlm.65.

³² Amerudin Ismail (2013), *Konsep dan Pengurusan Wakaf Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang*, Thesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, hlm.135

efisien.³³ Malah terdapat dikalangan pentadbir institusi pendidikan wakaf tersebut bertindak sebagai *mutawalli* secara tidak rasmi tanpa mempunyai kepakaran dan kurang arif dari sudut fiqh dan undang-undang. Malah mereka juga tidak mempunyai garis panduan untuk bertindak sebagai *mutawalli* dalam mentadbir harta wakaf di institusi pendidikan tersebut.³⁴

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh *mutawalli* di institusi pendidikan wakaf. Oleh itu soalan-soalan yang diketengahkan dan dicari penyelesaiannya adalah seperti berikut:

- i. Bagaimakah konsep *mutawalli* wakaf dalam Islam dan sejarah perundangan *mutawalli* wakaf di Tanah Melayu?
- ii. Bagaimana peranan *mutawalli* di Institusi Pendidikan SAR dan SABK di Utara Semenanjung Malaysia?
- iii. Apakah cadangan untuk memantapkan penggunaan wakaf di SAR dan SABK?

1.5 Objektif Kajian

Matlamat utama dalam kajian ini adalah untuk menjawab tiga soalan utama yang terdapat dalam permasalahan kajian di atas, ia adalah seperti berikut:

³³ Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff (2008), *op.cit*, hlm.81

³⁴ *Ibid.*

- i- Mengkaji konsep *mutawalli* wakaf dalam Islam dan menganalisis sejarah dan kedudukan *mutawalli* wakaf di Tanah Melayu
- ii- Menganalisis pentadbiran *mutawalli* wakaf di institusi pendidikan SAR dan SABK Utara Semenanjung Malaysia.
- iii- Mencadangkan langkah-langkah untuk memantapkan penggunaan wakaf di SAR

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini akan memfokuskan kepada konsep *mutawalli* wakaf dalam Islam dan amalan *mutawalli* wakaf pendidikan di SAR dan SABK Utara Semenanjung Malaysia. Ini bagi melihat adakah SAR dan SABK yang dibina hasil daripada sumbangan wakaf diurus dan ditadbir oleh *mutawalli* yang bertauliah atau mempunyai kuasa sebagai *mutawalli asliyyah*, *mutawalli far'iyyah* atau wakil *mutawalli* sahaja. Penyelidik memilih SAR dan SABK sebagai sampel kajian kerana kebanyakan SAR dan SABK yang ditubuhkan adalah hasil dari wakaf orang ramai, akan tetapi aset-aset wakaf tersebut tidak diurus dan ditadbir dengan cara yang sepatutnya iaitu oleh *mutawalli* wakaf. Kajian ini akan dilakukan berdasar kepada tiga bentuk limitasi.³⁵ Limitasi kajian dibahagikan kepada tiga komponen utama agar perbincangannya lebih berfokus. Limitasi tersebut adalah seperti berikut:

³⁵ Limitasi: Berasal daripada perkataan limit, iaitu had atau batasan. Sementara dalam konteks penyelidikan, ia menggariskan had dapatkan kajian dalam menyumbang kepada pemahaman serta pengetahuan berhubung bidang yang dikaji. Noresah bt, Baharom (1997), *op.cit*, hlm 811; Othman Lebar (2012), *op.cit*, hlm. 90.

1. Limitasi Isu

Pada peringkat awal, kajian ini akan membincangkan tentang pandangan fuqaha' mengenai konsep *mutawalli* dan peranannya dalam pengurusan wakaf, sama ada terdapat perbezaan pandangan ulama yang ketara dalam konsep *mutawalli* itu sendiri. Pandangan yang menjadi rujukan dalam kajian ini ialah pandangan jumhur fuqaha' dari empat Mazhab muktabar yang iaitu Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali. Selain itu beberapa pandangan lain juga turut dibahaskan bagi mencari pendapat yang sesuai diamalkan dalam konteks negara Malaysia. Antara isu yang dibahaskan juga adalah berkenaan tentang kuasa *al-wilayah* sebagai *mutawalli* wakaf. Pandangan fuqaha' ini dikaji bagi melihat kesesuaianya dengan undang-unadang wakaf yang terdapat di Malaysia dan kesesuaianya untuk diamalkan di institusi pendidikan wakaf.

2. Limitasi Undang-undang

Kajian ini akan membincang dan membandingkan antara peruntukan undang-undang wakaf yang terdapat di dalam enakmen-enakmen berkaitan wakaf di negeri-negeri di Malaysia bagi tujuan perlantikan *mutawalli* wakaf.³⁶ Limitasi undang-undang ini akan memfokuskan kepada empat buah negeri Utara Semenanjung Malaysia dalam kajian lapangan. Pada peringkat ini, kajian tentang undang-undang wakaf ini dilakukan kerana terdapat institusi pendidikan wakaf seperti SAR, SABK dan masyarakat yang masih keliru

³⁶ Muhammad Rafi' Yunus Muhammad (2008), *Mutawalli al-Waqf, Dirasah Qanuniah Muqaranah Bain al-Fiqh al-Islamiy Fi Mazhabah al-Mukhtalifah wa al-Qanunina al-'Arabiyah wa Mu'zazatu Bi al-Tatbiqiyah al-Qanuniyah*, Iskandariah: Dār al-Matbu'at al-Jamiyyah, hlm.85.

tentang isu pengurusan dalam institusi pendidikan wakaf itu sendiri terutama yang melibatkan kuasa *al-wilayah* sebagai *mutawalli* wakaf di institusi pendidikan wakaf.

4. Limitasi Lokasi

Bagi skop lokasi penyelidikan, kajian akan memfokuskan kepada 4 buah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Utara Semenanjung Malaysia serta 4 buah SAR dan 4 buah SABK yang pada asalnya adalah daripada SAR sebelum bertukar status kepada SABK yang terletak di Utara Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, penyelidik memilih SAR dan SABK di Utara Semenanjung Malaysia sebagai sampel kajian lapangan kerana SAR dan SABK di Utara Semenanjung Malaysia tersebut telah dikenal pasti sebagai SAR dan SABK yang dibangunkan daripada sumber wakaf dan telah lama beroperasi dan antaranya seawal pasca merdeka serta berada di Utara Semenanjung Malaysia dan dikenali sebagai Zon Wilayah Ekonomi Utara atau dikenali dalam Bahasa Inggerisnya sebagai *The Northern Corridor Economic Region (NCER)* iaitu kawasan yang diwartakan sebagai Kawasan Utara Semenanjung Malaysia dan salah satu daripada lima koridor ekonomi di Malaysia yang dibentuk untuk memastikan pengagihan kekayaan secara adil di seluruh negara, dan menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi.³⁷ Justeru empat negeri ini diiktiraf sebagai Negeri Utara Semenanjung Malaysia. Ini juga dapat membantu penyelidik untuk melihat adakah SAR dan SABK yang berada dalam zon ekonomi, turut memperolehi manfaat ekonomi daripadanya untuk tujuan wakaf pendidikan.³⁸

³⁷ <http://www.ncer.com.my>. Dirujuk pada 20 Disember 2019.

³⁸ Siti Mashitoh Mahamood et.al (2013), *Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)*, Vol. 1, No. 2, 2007. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Lihat juga; Hanum Hassan et.al (2013), *Estet Padi: Peranan dan Peluang dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)*, Journal of Human Development and Communication, Volume 2, 2013, 111–124.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini berdasarkan beberapa faktor yang berikut:³⁹

- i. Hasil kajian ini penting supaya pihak-pihak yang berkaitan dengan wakaf dapat mengenalpasti peranan *mutawalli* dalam pentadbiran harta wakaf terutama MAIN selaku “pemegang amanah tunggal” wakaf yang merupakan *mutawalli* induk yang perlu bertanggungjawab sepenuhnya di dalam pengurusan wakaf di Malaysia.
- ii. Hasil kajian ini penting bagi membantu pihak-pihak seperti MAIN untuk membangun dan mengembangkan harta wakaf di institusi pendidikan wakaf melalui konsep *mutawalli* yang berkesan seperti yang dilaksanakan oleh institusi-institusi pendidikan wakaf di negara-negara luar seperti Pondok Modern Darussalam Gontor Indonesia dan Universiti al-Azhar Mesir. Walaupun institusi-institusi pendidikan seperti SAR dan SABK bukan berorientasikan komersial, namun sumbangannya dalam mendidik masyarakat sememangnya tidak dapat dinafikan. Justeru, kajian ini diharap dapat membantu mereka menghadapi pelbagai isu berkaitan hukum dan perundangan dalam mengurus harta wakaf di institusi pendidikan wakaf, terutama di SAR dan SABK. Di samping itu, ia diharap dapat menjadi panduan kepada mereka yang bertanggungjawab untuk melantik *mutawalli* yang mempunyai kuasa *al-wilayah* selari dengan Syarak dan undang-undang negara.

³⁹ Kepentingan kajian turut digelar sebagai signifikan kajian. Ia memaparkan tentang bentuk sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian. Ia juga menyentuh persoalan mengenai pihak dan kelompok yang akan mendapat manfaat daripada dapatan kajian seperti ahli akademik, pembuat dasar dan pengamal. Othman Lebar (2012), *op.cit.* hlm.89.

- iii. Hasil kajian ini penting kepada institusi pendidikan wakaf seperti SAR dan SABK untuk melihat kepentingan *mutawalli* dalam mengembangkan institusi pendidikan wakaf itu sendiri supaya ianya dapat berkembang seiring dengan perkembangan semasa seperti yang dilaksanakan oleh Pusat-pusat Pengajian Tinggi sekarang.
- iv. Mengharmonikan pendapat para fuqaha' dalam isu-isu pengurusan wakaf berdasarkan konsep *mutawalli* wakaf yang menekankan kepada kepentingan masyarakat semasa. Oleh itu, penyelidik mengharapkan agar kajian ini dapat menyelesaikan kekeliruan yang timbul berkaitan pengurusan wakaf terutama apabila ia turut melibatkan fiqh dan undang-undang.
- v. Kajian ini juga diharap memberi sumbangan berbentuk penulisan kepada para penyelidik dengan menambah satu koleksi bahan ilmiah berkaitan dengan konsep dan kedudukan *mutawalli* wakaf menurut syariat Islam. Kajian ini dapat membantu para penyelidik lain bagi mendalami ilmu berkenaan *mutawalli* wakaf dan isu-isu yang berkaitan di samping dapat mencetuskan idea-idea baru bagi mereka untuk meneruskan kesinambungan kajian dalam aspek yang lebih luas dan berbeza.

1.8 Kajian Lepas

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, penulisan tentang wakaf dan persoalan tentang wakaf semakin banyak di kaji dan menarik minat pengkaji-pengkaji, namun penulisan-penulisan tersebut menjurus kepada bidang pengkhususan dan kecenderungan masing-

masing. Walaupun wakaf banyak dikaji tetapi persoalan tentang peranan dan kedudukan *mutawalli* wakaf masih tidak banyak dibincang. Ini kerana kuasa pemegang amanah tunggal wakaf di Malaysia telah diperuntukkan kepada MAIN. Oleh itu peranan *mutawalli* wakaf tidak lagi menjadi prioriti kajian berbanding dengan harta wakaf itu sendiri. Tambahan pula, pada awal kedatangan Islam di Tanah Melayu tidak timbul masalah pengurusan yang kompleks tentang wakaf dan pengurusannya, berbanding masalah yang dihadapi pada masa kini apabila ia melibatkan proses undang-undang dan masalah birokrasi. Secara umumnya, kajian serta analisis berkenaan *mutawalli* wakaf dari perspektif hukum Syarak dan undang-undang wakaf serta aplikasinya dengan institusi pendidikan wakaf di Malaysia masih kurang dilakukan.

Walau terdapat sarjana Islam tempatan yang menghasilkan penulisan berkenaan wakaf, kebanyakannya tertumpu kepada konsep wakaf dan masalah-masalah yang dihadapi di dalam amalan berwakaf, manakala dalam bidang pengurusan dan pentadbiran harta-harta wakaf pula, kebanyakan mereka hanya membincangkan mengenai pengurusan dan pentadbiran wakaf di MAIN sahaja tanpa melihat pecahan tugas *mutawalli* secara khusus sama ada Individu, kumpulan atau swasta. Ini kerana mereka lebih melihat bahawa MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf di Malaysia semata-mata tanpa mempertimbangkan pihak lain juga boleh dan perlu diberi kuasa *al-walayah* sebagai *mutawalli* bagi mengurus dan mentadbir aset-aset wakaf mereka sendiri.

Walau bagaimanapun penulisan dan kajian yang berkaitan dengan pengurusan harta wakaf di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama berkaitan dengan pengurusan daripada aspek pentadbiran dan organisasi bagi pihak yang memegang amanah

harta wakaf tersebut, kedua ialah perkara yang berkaitan dengan pengurusan daripada aspek kewangan dan ketiga ialah perkara yang berkaitan dengan aspek pengurusan data dan maklumat. Namun dari aspek pentadbiran dan organisasi, siapa pihak yang lebih berhak sebagai pengurus harta wakaf tidak dibincangkan secara lebih luas dari sudut fiqh dan hubungannya dengan perundangan di Malaysia. Ini penting kerana kuasa yang telah diperuntukkan kepada MAIN telah menafikan hak pewakaf untuk melantik pihak lain sebagai *mutawalli* wakaf, terutama kepada SAR dan SABK. Sedangkan institusi-institusi Pendidikan wakaf ini adalah institusi yang bermula dengan sumbangan wakaf dan memiliki sumber wakaf yang perlu diuruskan secara sepatutnya demi kelestariannya.

Tesis-tesis yang berkaitan dengan pengurusan wakaf ialah kajian tesis sarjana yang dilakukan oleh Sayuti Abd. Ghani, (2001), “Pentadbiran dan Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Melaka”. Kajian ini melihat bagaimana struktur pentadbiran, prosedur dan polisi wakaf bagi negeri Melaka bermula serta bagaimana perlantikan seseorang pengurus harta wakaf dibuat di kampung-kampung bagi menguruskan masjid-masjid dan kriteria yang diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka di dalam menentukan kelayakan pengurusan tersebut.⁴⁰ Kajian beliau ini dilihat tidak membincangkan dari sudut fiqh yang menjadi landasan hukum kepada pengurusan harta wakaf. Sebaliknya hanya membincangkan cara-cara pengurusan wakaf di Malaysia secara asas sahaja.

Namun begitu terdapat juga kajian yang melibatkan pengurusan harta wakaf secara bersama, iaitu kajian tesis sarjana oleh Salbiah bt Mokhtar (2002), “Kajian Pengurusan dan

⁴⁰ Sayuti Abd. Ghani (2001), *Pentadbiran dan Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Melaka*, Thesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pentadbiran Kompleks Komersil, Bangunan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di atas Tanah Wakaf Lebuh Buckingham, Pulau Pinang". Walau bagaimanapun kajian ini juga tidak membincangkan pengurusan wakaf dari sudut fiqh. Sebaliknya kajian ini hanya melihat kepada peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pihak MARA sebagai pentadbir bersama dalam menguruskan harta wakaf dan cuba mengenal pasti pihak utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pentadbiran bangunan yang dibina di atas tanah wakaf tersebut.

Walau bagaimanapun hasil kajian ini mendapati, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hanyalah agensi yang memperuntukkan tanah manakala pihak MARA pula adalah agensi yang mengeluarkan modal bagi membangunkan kawasan tersebut. Kaedah yang digunakan di sini ialah MARA selaku pihak yang mengeluarkan modal dan membangunkan bangunan, maka MARA jugalah ialah pihak yang akan mengurus dan mentadbir bangunan tersebut. Ini bertujuan bagi memastikan bangunan ini ditadbir secara lebih berkesan. Kaedah ini diterima pakai asalkan ia tidak bercanggah dengan hukum Syarak dan dasar-dasar Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Dalam kajian ini didapati walaupun pengurusan bangunan tersebut sepenuhnya oleh pihak MARA, namun pihak MAINPP masih boleh menentukan syarat penyewaan dan garis panduan pengurusannya seperti jenis perniagaan dan aktiviti perniagaan yang dibenarkan di bangunan tersebut.⁴¹ Dalam kajian ini, ia menyatakan walaupun terdapat berbagai kerjasama yang boleh dilaksanakan oleh beberapa pihak dalam membangunkan harta

⁴¹ Salbiah bt Mokhtar (2002), *Kajian Pengurusan dan Pentadbiran Kompleks Komersil Bangunan MARA di Atas Tanah Wakaf Lebuh Buckingham, Pulau Pinang*, Thesis Sarjana Sains Perancangan, Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan, USM, Pulau Pinang.